

01/12/1997

## Syor terbaru Asean untuk IMF

KUALA LUMPUR, Ahad - Asean akan mengemukakan syor lebih khusus terhadap pelaksanaan peraturan dalam urus niaga mata wang yang telus kepada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ini kerana Asean mahu jawatankuasa petugas IMF yang mengkaji cadangan itu mengambil berat isu terbabit.

Tanpa menjelaskan butir lebih lanjut mengenai syor yang dimaksudkan itu, katanya, bagi Asean memang sudah jelas apa yang dimahukan oleh negara anggotanya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, syor itu akan dikemukakan ketika Menteri Kewangan Asean berbincang dengan Pengarah Urusan IMF, Michel Camdessus pada Mesyuarat Menteri Kewangan Asean (AFMM) selama dua hari bermula di sini esok.

"Kita menyatakan bahawa sikap dan pendirian kita adalah terbuka. Kita membenarkan perdagangan mata wang tetapi kita mesti menentukan bahawa ada peraturan tertentu, yang boleh menjamin supaya ada ketelusan, ada maklumat secukupnya dan tidak dilakukan seperti yang wujud sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sebelum mengadakan perbincangan dua hala dengan Menteri Kewangan Indonesia, Thailand, Myanmar dan Filipina di sini hari ini.

Menteri Kewangan Asean itu juga akan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawat dari Jepun, Amerika Syarikat, Australia, Hong Kong, China dan Korea Selatan.

Cadangan untuk mengenakan peraturan dalam urus niaga mata wang itu, buat kali pertama disarankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mesyuarat tahunan IMF-Bank Dunia di Hong Kong September lalu.

Peraturan itu bertujuan melindungi pasaran daripada serangan manipulasi berlebihan seperti yang dihadapi rantau ini sejak Julai lalu.

Walaupun sudah mempunyai garis panduan bagi peraturan berhemat dan kawal selia bagi bank, IMF yang beribu pejabat di Washington belum mempunyai garis panduan bagi dana lindung nilai dan kegiatan firma pelaburan yang terbabit dalam kegiatan mata wang.

Camdessus dijemput ke mesyuarat itu untuk memberi taklimat mengenai kemajuan kajian oleh jawatankuasa petugas IMF mengenai fungsi peniaga mata wang dan kemungkinan memperkenalkan peraturan berhemat dalam urus niaga mata wang.

Anwar berkata, Asean mahu jawatankuasa itu mengambil berat cadangan berkenaan kerana negara anggotanya kerap bercakap mengenai ketelusan dan keperluan mewujudkan peraturan perniagaan mata wang yang boleh diterima masyarakat antarabangsa.

Camdessus juga memberi taklimat mengenai kemajuan terkini krisis mata wang serantau

Katanya, penyertaan Camdessus pada mesyuarat itu agak kritikal kerana IMF menyediakan pakej penyelamat untuk beberapa anggota Asean yang dilanda krisis itu.

Katanya, walaupun Malaysia tidak meminta bantuan IMF, ia terus mendapatkan pandangan IMF mengenai kestabilan ekonomi makro dan pengawasan yang mencukupi dalam menangani isu penting.

(END)